



SAIDATUL membuka ikatan kunci pada kaki remaja kurang upaya untuk dibawa ke hospital pada Operasi Pusat Jagaan Tidak Berdaftar, semalam.

Remaja OKU kebuluran dirantai

Pesakit mental dikurung di sebuah rumah kebajikan tak berdaftar

MELAKA: Seorang lelaki remaja yang dikategorikan orang kurang upaya (OKU), 19, ditemui dalam keadaan tidak bermaya disyaki kebuluran, manakala sebelah kakinya dirantai, dipercayai dikurung bagi satu tempoh agak lama di sebuah rumah kebajikan tidak berdaftar di Jalan Laksamana Cheng Ho, dekat sini, semalam.

Penemuan mengejutkan itu susulan daripada operasi pemeriksaan yang dilakukan oleh sepasukan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Melaka Tengah, kira-kira jam 9 pagi, selepas menerima aduan awal daripada orang ramai.

Pegawai Kebajikan JKM Melaka Tengah, Saidatul Aini Jafri, berkata siasatan awal pihaknya mendapati remaja yang mengalami masalah mental sejak kecil itu, mungkin dikurung dalam bilik berkenaan tanpa diberi sebarang makanan atau minuman mencukupi.

Katanya, proses membebaskan remaja terbabit dari bilik yang tidak mempunyai sebarang kemudahan tandas dan agak kotor itu, mengambil masa agak lama berikutan kunci rantai besi mengikat sebelah kakinya itu gagal ditemui.

“Kami mengesyaki remaja ini seperti sudah lama dikurung dalam bilik berkenaan kerana ketika hendak membuka kunci rantai besi yang mengikat sebelah kakinya, kuncinya gagal ditemui. Berikutan tiada pilihan lain, kami terpaksa menggunakan pemotong besi.

“Sebaik berjaya dibebaskan, kami dapati remaja OKU ini begitu lahap meneguk air yang diberikan, seolah-olah dia sudah lama tidak minum atau makan. Mukanya juga pucat, selain terdapat kudis pada beberapa bahagian badannya serta kelihatan tidak bermaya,” katanya.

Turut menyertai operasi yang dijalankan kira-kira lapan jam itu adalah Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat Kanan, Hamzah Abu Hasan dan Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat, Suhaida Mohamed Ali serta Mohamad Sharizan Zakaria.

Saidatul berkata, remaja OKU yang disyaki menjadi mangsa penderaan itu menghuni rumah kebajikan berkenaan sejak kira-kira dua bulan lalu, selepas emaknya tidak lagi mampu menjaga dan memelihara beliau selepas kematian suaminya.

Beliau berkata, remaja berkenaan dihantar ke Hospital Melaka untuk rawatan lanjut dan pihaknya akan keluarga mangsa bagi membolehkan JKM menguruskannya.